



KENYATAAN MEDIA

2 JULAI 2021

Kadar Rebat Elektrik Pada 2 Sen Setiap Kilowatt Jam Kepada Pengguna Bukan Domestik Di Kulim High Technology Park Bagi Tempoh 1 Julai 2021 Hingga 31 Disember 2021

Putrajaya, 2 Julai – Kerajaan pada 23 Jun 2021 telah memutuskan untuk meneruskan pelarasan tarif elektrik di Kulim High Technology Park (KHTP) di bawah pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* dengan memberikan kadar rebat ICPT sebanyak 2 sen setiap kilowatt-jam (kWj) kepada pengguna elektrik bukan domestik untuk tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021.

Pemberian rebat ini dilaksanakan berikutan berlakunya penurunan harga bahan api gas dan bekalan elektrik pukal dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada separuh tahun pertama 2021 serta penjimatan daripada pelarasan kos sebenar bahan api bagi tempoh Julai hingga Disember 2020 di bawah pelaksanaan mekanisme ICPT. Harga gas berpaip sebenar yang ditetapkan berdasarkan *Reference Market Price (RMP)* bagi sektor tenaga untuk tempoh semakan ICPT ini telah menurun kepada purata RM17.16/mmBTU berdasarkan harga minyak mentah yang tertanggung selama 6 – 8 bulan sebelum ini di bawah paras USD 50/bbl se tong, berbanding harga gas berpaip yang diunjurkan dalam tempoh diunjurkan dalam tempoh kawal selia pertama (Regulatory Period 1 - RP1) iaitu sebanyak RM20.70/mmBTU.

Mekanisme ICPT merupakan sebahagian daripada kerangka kerja *Incentive-Based Regulation (IBR)* bagi menetapkan dan melaraskan tarif elektrik di KHTP. Di bawah mekanisme ini, kadar tarif elektrik asas ditentukan dengan menetapkan harga penanda aras bahan api gas dan bekalan elektrik pukal daripada TNB dalam tempoh tersebut. Sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga penanda aras bahan api gas dan bekalan elektrik pukal daripada TNB dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme ICPT, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

dan kos penajaan lain dalam tempoh tersebut.

Atas pertimbangan terhadap perkara-perkara di atas, Kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan kadar rebat ICPT sebanyak 2 sen/kWj mulai 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021, berbanding kadar surcaj ICPT bagi tempoh sebelumnya, iaitu pada kadar 0.89 sen/kWj kepada pengguna bukan domestik di KHTP. Pelarasan rebat ICPT ini dijangka akan memberikan penjimatan purata bil elektrik sekitar 5.6% kepada pengguna komersial dan 3.7% hingga 8.2% kepada pengguna industri di KHTP.

- Tamat -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.